



**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**

*Director General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8**

*Level 8, Block E8*

**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**

*Government Complex Parcel E*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld 6( 2 )

Tarikh: 5 Oktober 2018

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 8 TAHUN 2018**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) DI  
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MULAI TAHUN  
2018**

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2018.

**LATAR BELAKANG**

2. DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh KPM.

3. Selaras dengan tuntutan pendidikan abad ke-21, DLP diperkenalkan oleh KPM bertujuan untuk menyokong penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris murid melalui peningkatan masa pendedahan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran bidang sains dan matematik, memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses bagi penerokaan pelbagai bidang ilmu untuk bersaing pada peringkat global, menarik minat murid meneruskan pengajian dalam bidang sains dan matematik pada peringkat tertiar dan meningkatkan kebolehpasaran murid dalam alam pekerjaan.
4. Sehubungan dengan itu, semua pihak yang berkaitan hendaklah memastikan supaya Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) KPM dirujuk dan dipatuhi bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

#### **PELAKSANAAN**

5. Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) Kementerian Pendidikan Malaysia yang dilampirkan bersama-sama surat pekeliling ikhtisas ini menjelaskan tentang tatacara pelaksanaan DLP kepada pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

- 
6. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

7. Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 18/2015: Pelaksanaan Rintis Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) di Sekolah Pada Tahun 2016 bertarikh 3 Disember 2015 dan Garis Panduan Pelaksanaan DLP Tahun 2015 adalah **dibatalkan**.

- s.k. 1. Menteri Pendidikan Malaysia
2. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Pengarah  
Sektor Pengajian Tinggi
4. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
7. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
8. Penasihat Undang-undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

### **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME* (DLP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

#### **1.0 Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan tentang tatacara pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

#### **2.0 Pendahuluan**

**2.1** DLP merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program ini dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

#### **3.0 Objektif**

**3.1** Pelaksanaan DLP bertujuan untuk:

- i. memberi peluang meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris murid melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bidang sains dan matematik;
- ii. memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses bagi penerokaan pelbagai bidang ilmu untuk bersaing pada peringkat global; dan
- iii. meningkatkan kebolehpasaran murid dalam alam pekerjaan.

## **4.0 Takrifan Operasi**

Takrifan operasi yang dinyatakan di bawah hanya digunakan untuk tujuan pelaksanaan DLP sahaja.

### **4.1 Sekolah yang melaksanakan DLP**

Sekolah yang mendapat kelulusan melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris **sekurang-kurangnya satu kelas** bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh KPM.

### **4.2 Kelas yang melaksanakan DLP**

Kelas yang melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh KPM.

### **4.3 Guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP**

Guru yang mengajar sekurang-kurangnya satu kelas DLP bagi mata pelajaran bidang sains dan/atau matematik dalam bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh KPM.

### **4.4 Murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP**

Murid yang mengikuti PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh KPM.

### **4.5 Penetapan mata pelajaran bagi DLP**

Mata pelajaran bidang sains dan matematik yang ditetapkan oleh KPM.

## **5.0 Kriteria Penyertaan Sekolah**

**5.1** Sekolah yang layak untuk melaksanakan DLP hendaklah memenuhi kriteria yang berikut:

**a) Sekolah mempunyai sumber yang mencukupi**

Sekolah hendaklah mempunyai guru yang memenuhi kriteria yang ditetapkan (6.2) untuk mengajar mata pelajaran bidang sains dan/atau matematik dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, sekolah hendaklah mempunyai bilik darjah dan/atau bilik-bilik khas yang mencukupi untuk melaksanakan PdP DLP.

**2. Pengetua/Guru Besar (PGB) mempunyai perancangan untuk melaksanakan DLP**

Pengetua/Guru Besar (PGB) hendaklah mengadakan perbincangan bersama-sama guru dengan bimbingan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk menyediakan perancangan jangka panjang dan jangka pendek yang merangkumi aspek seperti guru, murid, bilik darjah, dan sumber PdP bagi memastikan keberkesanan dan kelangsungan pelaksanaan DLP di peringkat sekolah.

**c) Permohonan daripada ibu bapa/penjaga**

Sekolah hendaklah menerima sekurang-kurangnya 15 permohonan secara bertulis daripada ibu bapa/penjaga sebelum kelas yang melaksanakan DLP boleh dibuka. Ibu bapa/penjaga yang memohon perlu dimaklumkan jika bilangan permohonan adalah tidak mencukupi bagi pembukaan kelas yang melaksanakan DLP.

#### **d) Pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu**

Peratus pencapaian Tahap Penguasaan Minimum Bahasa Melayu Pemahaman dan Bahasa Melayu Penulisan UPSR dan gred purata mata pelajaran (GPMP) Bahasa Melayu SPM sekolah bagi tahun sebelumnya hendaklah menyamai atau lebih baik daripada pencapaian yang ditetapkan oleh KPM.

### **6.0 Tatacara Pelaksanaan DLP**

#### **6.1 Pembukaan Kelas Baharu**

Pelaksanaan bermula dengan murid Tahun 1 di sekolah rendah dan Tingkatan 1 di sekolah menengah;

Kelas boleh dibuka sekiranya jumlah murid yang diluluskan untuk mengikuti kelas yang melaksanakan DLP mencapai sekurang-kurangnya lima belas orang atau lebih;

8. Sekolah hendaklah meneruskan program DLP sehingga murid menamatkan persekolahan pada Tahun 6 bagi sekolah rendah/Tingkatan 5 bagi sekolah menengah bagi setiap kohort walaupun bilangan murid dalam kohort tersebut kurang daripada lima belas orang;

Pembukaan kelas yang melaksanakan DLP tidak boleh menjelaskan peluang murid lain untuk mengikuti mata pelajaran bidang sains dan matematik dalam bahasa kebangsaan atau bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar; dan

- # Sekolah yang sedang melaksanakan DLP hendaklah memaklumkan kepada bahagian/JPN sekiranya permohonan untuk mengikuti kelas yang melaksanakan DLP tidak memenuhi perkara 6.1(b) atau sekiranya tiada langsung permohonan pada tahun berikutnya. Sekolah tersebut hendaklah memohon semula untuk melaksanakan DLP sekiranya permohonan daripada ibu bapa memenuhi perkara 6.1(b) untuk tahun berikutnya.

## **6.2 Kriteria Pemilihan Guru**

### **6.2.1 Guru opsyen mata pelajaran:**

- a) Sains
- b) Sains Tambahan
- c) Fizik
- d) Kimia
- e) Biologi
- f) Matematik
- g) Matematik Tambahan

### **6.2.2 Guru bukan opsyen:**

- a) berpengalaman mengajar lebih daripada tiga tahun dalam mata pelajaran bidang sains dan/atau matematik; atau
- b) memiliki diploma/sarjana muda/sarjana/ijazah kedoktoran dalam lain-lain bidang yang setara dengan sains dan matematik.

### **6.2.3 Guru yang dikenal pasti hendaklah berkeupayaan mengajar mata pelajaran bidang sains dan/atau matematik dalam bahasa Inggeris dan hendaklah disahkan oleh pengetua/guru besar dengan mengambil kira pencapaian Bahasa Inggeris SPM sekurang-kurangnya kepujian atau setara dengannya.**

### **6.3 Penetapan mata pelajaran DLP**

- a) Peringkat Sekolah Rendah
  - i. Sains; dan
  - ii. Matematik
- b) Peringkat Menengah Rendah
  - i. Sains; dan
  - ii. Matematik
- c) Peringkat Menengah Atas
  - i. Sains
  - ii. Sains Tambahan
  - iii. Fizik
  - iv. Kimia
  - v. Biologi
  - vi. Matematik
  - vii. Matematik Tambahan

### **6.4 Dokumen Kurikulum dan Buku Teks**

Bahan yang disediakan dalam bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

- a) Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP);
- b) Borang Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah; dan
- c) buku teks.

## **6.5 Peruntukan Masa PdP**

Peruntukan masa PdP mata pelajaran bidang sains dan matematik adalah seperti peruntukan masa yang ditetapkan dalam surat pekeliling ikhtisas yang sedang berkuat kuasa.

## **6.6 Pentaksiran**

- a) Pentaksiran sekolah/bilik darjah bagi mata pelajaran yang terlibat hendaklah disediakan dan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris atau dwibahasa.
- b) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP hendaklah disediakan dan dilaksanakan dalam dwibahasa.
- c) Peperiksaan pusat iaitu UPSR dan SPM bagi mata pelajaran bidang sains dan matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP hendaklah disediakan dan dilaksanakan dalam dwibahasa.

## **6.7 Tatacara permohonan**

### **6.7.1. Sekolah Harian**

Permohonan untuk menyertai DLP bagi **sekolah baru** adalah seperti ketetapan yang berikut:

- a) Sekolah yang ingin memohon hendaklah menghantar surat permohonan dan menyertakan Borang Kesediaan Sekolah yang diisi dengan lengkap ke JPN (Lampiran X) melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) **sebelum atau pada 31 Mac tahun sebelumnya**.

- b) JPN menyemak dan mengesahkan kelayakan sekolah serta melengkapkan Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah (Lampiran X) sebelum mengemukakan permohonan ke BPSH.
- c) JPN menentu sah dan menghantar senarai sekolah kepada BPSH **sebelum atau pada 30 April**.
- d) BPSH membentangkan permohonan sekolah kepada KPPM untuk kelulusan **sebelum atau pada 30 Jun**.
- e) BPSH memaklumkan kelulusan pelaksanaan DLP kepada JPN untuk dikemukakan kepada sekolah berkaitan.
- f) Sekolah melaksanakan kelas DLP berdasarkan kelulusan yang diberi.

#### 6.7.2 Sekolah di bawah pengurusan Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (BPSBPSK), Bahagian Sukan (BS), Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Bahagian Ko-kurikulum dan Kesenian (BKK)

Permohonan bagi sekolah seni, sekolah agama, sekolah sukan dan sekolah berasrama penuh untuk menyertai DLP adalah seperti ketetapan yang berikut:

- a) Sekolah yang ingin memohon hendaklah menghantar surat permohonan dan menyertakan Borang Kesediaan Sekolah yang diisi dengan lengkap ke bahagian berkenaan.
- b) Bahagian menyemak kesediaan dan kelayakan sekolah serta melengkapkan Borang Pengesahan Kesediaan Sekolah.
- c) Bahagian menghantar cadangan senarai sekolah kepada pihak BPSH.

- d) BPSH akan menyelaraskan pembentangan Bahagian bagi permohonan sekolah dalam kategori ini kepada KPPM untuk kelulusan.
- e) BPSH memaklumkan kelulusan pelaksanaan DLP kepada Bahagian/JPN untuk dipanjangkan kepada sekolah berkaitan.
- f) Sekolah melaksanakan kelas DLP berdasarkan kelulusan yang diberi.

## **7.0 Penempatan murid Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP**

### **7.1 Tindakan ibu bapa/penjaga**

- a) Memohon penempatan murid menggunakan Borang Permohonan Penyertaan Murid yang diedar oleh sekolah pada **minggu pertama persekolahan**;
- b) Setelah permohonan diluluskan, ibu bapa/penjaga yang menerima tawaran hendaklah melengkapkan Surat Akuan dan Kebenaran Ibu Bapa atau Penjaga;
- c) Sekiranya permohonan tidak diluluskan, ibu bapa boleh mengemukakan rayuan kepada pihak sekolah secara bertulis dalam tempoh **tujuh hari bekerja** daripada tarikh surat pemakluman diterima; dan
- d) Penempatan murid tingkatan 4 yang tidak mengikuti kelas yang melaksanakan DLP di peringkat menengah rendah ke kelas yang melaksanakan DLP di peringkat menengah atas hendaklah berdasarkan keupayaan murid dan pertimbangan pihak sekolah.

## 7.2 Tindakan sekolah

- a) Mengadakan taklimat pelaksanaan kepada ibu bapa/penjaga dan mengedar Borang Permohonan Penyertaan Murid kepada ibu bapa/penjaga **selewat-lewatnya pada hari pertama persekolahan**;
- b) Menerima dan memproses borang permohonan dan memaklumkan keputusan permohonan kepada ibu bapa/penjaga dalam tempoh **tujuh hari bekerja** dari hari akhir penerimaan borang permohonan;
- c) Menerima Surat Akuan dan Kebenaran Ibu Bapa/Penjaga;
- d) Membuka kelas jika bilangan murid sekurang-kurangnya **lima belas orang**;
- e) Sekiranya bilangan murid kurang daripada **lima belas orang**, sekolah tidak boleh membuka kelas walaupun telah mendapat kelulusan. Sekolah perlu memaklumkan ketidakbolehlaksanaan kelas kepada JPN dan ibu bapa/penjaga;
- f) sekiranya terdapat kes rayuan permohonan atau permohonan baharu daripada ibu bapa/penjaga, sekolah hendaklah membuat pertimbangan dan keputusan berdasarkan kekosongan tempat. Keputusan hendaklah dimaklumkan kepada ibu bapa/penjaga dalam tempoh tiga hari bekerja daripada tarikh rayuan diterima;
- g) melengkapkan Borang Rumusan Bilangan Kelas dan Murid DLP Peringkat Sekolah setelah permohonan pendaftaran murid Tahun 1/Tingkatan 1 selesai dan menghantar borang ke PPD; dan

- h) Sekolah mengemaskini data kelas dan murid dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) pada atau sebelum 15 Januari pada tahun semasa dan apabila berlaku perubahan kepada bilangan murid.

### 7.3 Tindakan PPD

- a) Sekiranya ada sekolah yang telah mendapat kelulusan tetapi tidak dapat membuka kelas kerana murid kurang daripada **lima belas orang**, PPD hendaklah memaklumkan ketidakbolehlaksanaan DLP kepada JPN;
- b) Menyemak pengisian data bilangan kelas dan murid dalam sistem APDM;
- c) Menganalisis dan melaporkan status pelaksanaan kepada pengurusan JPN; dan

### 7.4 Tindakan JPN

- a) Menyemak pengisian data bilangan kelas dan murid dalam sistem APDM.
- b) Menganalisis dan melapor status pelaksanaan kepada pengurusan JPN dan BPSH.
- c) Memaklumkan kepada BPSH tentang ketidakbolehlaksanaan DLP bagi sekolah yang baharu diluluskan.

## **8.0 Penarikan diri murid dari kelas yang melaksanakan DLP**

- 8.1 Pihak sekolah hendaklah mengadakan perbincangan dan memberi sokongan yang bersesuaian kepada murid yang memohon untuk menarik diri daripada program ini berpandukan keupayaan murid.
- 8.2 Pihak sekolah hendaklah berbincang secara bersemuka dengan ibu bapa/penjaga dan mendapat persetujuan bertulis sekiranya murid masih ingin menarik diri daripada program ini.

## **9.0 Pertukaran Murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP**

- 9.1 Pertukaran murid tertakluk kepada prosedur pertukaran murid sedia ada.

- a) **Pertukaran murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP ke sekolah lain yang melaksanakan DLP**

Sekolah asal bertanggungjawab untuk menyertakan surat pengesahan murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP bersama-sama dokumen pertukaran yang lain. Sekolah baharu hendaklah mendaftar murid ini di kelas yang melaksanakan DLP.

- b) **Pertukaran murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP ke sekolah yang tidak melaksanakan DLP**

Murid hendaklah mengikuti PdP seperti yang ditawarkan di sekolah baharu.

## **10.0 Pertukaran guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP**

- 10.1 Guru boleh memohon pertukaran secara dalam talian melalui sistem egTukar. PPD/JPN hendaklah memastikan pertukaran guru dilaksanakan tanpa menjaskan PdP murid.
- 10.2 Penempatan guru yang diluluskan bertukar hendaklah dipertimbangkan oleh PPD/JPN untuk ditempatkan di sekolah yang melaksanakan DLP.
- 10.3 PPD/JPN boleh melaksanakan penempatan semula guru bagi memastikan bekalan guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP mencukupi mengikut surat pekeliling dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

## **11.0 Tugas dan tanggungjawab**

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat. JPW Putrajaya, JPW Labuan dan JPN Perlis juga bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara 11.2 (c hingga i).

### **11.1 JPN**

- a) Melaksanakan sesi penerangan tentang DLP kepada PPD dan sekolah yang berminat;
- b) Menyemak dan menentusahkan kesediaan sekolah sebelum menyokong permohonan sekolah berdasarkan kriteria penyertaan sekolah pada klausula 5.0;

- c) Menghantar permohonan sekolah untuk melaksanakan DLP kepada BPSH;
- d) Membimbing dalam menyediakan perancangan jangka panjang dan jangka pendek pelaksanaan DLP sekiranya diperlukan;
- e) Memantau pelaksanaan DLP bagi memastikan tindakan susulan dilaksanakan dengan berkesan;
- f) Melaporkan dapatan pemantauan kepada urus setia DLP KPM.
- g) Membentangkan dapatan pemantauan dan cadangan penambahbaikan kepada pengurusan JPN;
- h) Memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan dapatan pemantauan;
- i) Mengadakan mesyuarat bagi menyelaras pelaksanaan DLP secara berkala bersama-sama PPD/sekolah;
- j) Memastikan bekalan buku teks di negeri mencukupi;
- k) Memastikan pengurusan pelaksanaan DLP di peringkat daerah/negeri dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) Kementerian Pendidikan Malaysia;
- l) Memastikan penempatan semula guru dilaksanakan bagi membantu pelaksanaan DLP di sekolah; dan
- m) Memastikan dan memaklumkan ketidakbolehlaksanaan kelas baharu yang melaksanakan DLP di sekolah yang telah diluluskan kepada BPSH.

## **11.2 PPD**

- a) Melaksanakan sesi penerangan tentang DLP kepada sekolah yang berminat;
- b) Menyemak kesediaan sekolah yang memohon berdasarkan kriteria penyertaan sekolah pada klausa 5.0 dan mengemukakan permohonan kepada JPN;
- c) Memastikan pertukaran guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP dijalankan tanpa menjelaskan PdP murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP;
- d) Memastikan jumlah guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP mencukupi di setiap sekolah terlibat;
- e) Memantau pelaksanaan DLP secara berkala;
- f) Memastikan tindakan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan hasil pemantauan berkenaan;
- g) Menyediakan rekod dan laporan ringkas pemantauan;
- h) Melaporkan dapatan pemantauan kepada JPN;
- i) Membentangkan dapatan pemantauan kepada pengurusan PPD;
- j) Memastikan dan memaklumkan ketidakbolehlaksanaan kelas baharu yang melaksanakan DLP di sekolah yang telah diluluskan kepada JPN;
- k) Mengadakan mesyuarat penyelarasian/dialog pelaksanaan DLP;
- l) Memastikan bekalan buku teks di daerah mencukupi; dan

- m) Memastikan pelaksanaan DLP di sekolah mengikut perancangan jangka panjang dan jangka pendek.

### **11.3 Pengetua/Guru Besar (PGB)**

- a) Memastikan sekolah memenuhi semua kriteria penyertaan sekolah pada klausa 5.0 sebelum membuat permohonan;
- b) Menghantar surat permohonan dan Borang Kesediaan Sekolah kepada PPD/JPN;
- c) Melaksanakan penataran tentang DLP kepada ibu bapa/penjaga, guru dan pihak yang berkepentingan;
- d) Menyediakan perancangan jangka panjang dan jangka pendek bagi memastikan keberkesanan dan kelangsungan DLP;
- e) Mengesahkan permohonan penarikan diri murid yang mengikuti kelas DLP;
- f) Mencerap PdP kelas yang melaksanakan DLP dengan menggunakan instrumen pencerapan yang sedang berkuatkuasa;
- g) Mengemaskini data murid, kelas dan guru dari masa ke semasa;
- h) Memastikan bekalan buku teks dan sumber PdP untuk murid mencukupi.
- i) Memastikan semua permohonan penempatan murid mengikut prosedur dan tempoh masa yang ditetapkan;
- j) Memaklumkan ketidakbolehlaksanaan kelas kepada PPD/JPN secara bertulis;

- k) Menyimpan semua dokumen berkaitan DLP untuk tempoh tujuh tahun sebelum dilupuskan; dan
- l) Mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan kelestarian dan kelangsungan program.

#### **11.4 Guru yang mengajar kelas yang melaksanakan DLP**

- a) Menggunakan DSKP versi bahasa Inggeris;
- b) Menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) mata pelajaran sains dan matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP dalam bahasa Inggeris;
- c) Melaksanakan PdP mata pelajaran bidang sains dan/atau matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP dalam bahasa Inggeris;
- d) Melaksanakan pentaksiran sekolah/bilik darjah untuk mata pelajaran sains dan/atau matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP dalam bahasa Inggeris atau dwibahasa; dan
- e) Melaksanakan intervensi yang bersesuaian sekiranya perlu untuk mata pelajaran sains dan/atau matematik bagi kelas yang melaksanakan DLP.

## **12.0 Pengurusan DLP**

- 12.1 Pengurusan DLP di sekolah menengah hendaklah diletakkan di bawah Guru Kanan Bidang Sains dan Matematik, manakala, bagi sekolah rendah diletakkan di bawah Ketua Panitia Sains atau Ketua Panitia Matematik.
- 12.2 Pengurusan DLP di peringkat daerah adalah di bawah Unit Sains dan Matematik PPD.
  - 12.3 Pengurusan DLP di peringkat negeri adalah di bawah Unit Sains atau Unit Matematik Sektor Pengurusan Akademik, JPN.
- 12.4 Kelulusan pelaksanaan DLP adalah tertakluk kepada keputusan KPM.


## **13.0 Penutup**

Kejayaan DLP bergantung kepada komitmen dan kecekapan semua pihak terlibat dalam memastikan kebolehlaksanaan dan kelestarian program ini pada peringkat sekolah.


Kementerian Pendidikan Malaysia  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Putrajaya

**PERMOHONAN**

**PELAKSANAAN PROGRAM DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)**



## **SULIT**



Penghantaran senarai sekolah adalah sebelum atau pada 30 April.

Pembentangan untuk kelulusan adalah sebelum atau pada 30 Jun.

**Kementerian Pendidikan Malaysia****BORANG PERMOHONAN PENYERTAAN MURID  
KELAS DUAL LANGUAGE PROGRAM  
TAHUN .....****MAKLUMAT MURID:**

1. Nama Murid: .....
2. Tahun/ Tingkatan: .....
3. No. Kad Pengenalan: .....
4. Jantina: .....

**MAKLUMAT IBU BAPA/PENJAGA**

1. Nama Bapa/Penjaga: .....
2. No. Kad Pengenalan: .....
3. Alamat Rumah:  
.....  
.....
4. No. Telefon (R): .....
5. No. Telefon Bimbit: .....
6. Pekerjaan Bapa: .....
7. Nama Ibu: .....
8. No. Kad Pengenalan: .....
9. No. Telefon: .....
10. Pekerjaan Ibu: .....

**PENGAKUAN IBU BAPA/PENJAGA**

Saya memohon agar anak / anak jagaan\* saya diterima mengikuti program ini.

( )

Nama dan Tandatangan

\*sila potong yang tidak berkenaan

**SULIT**

**Surat Pemakluman kepada Ibu Bapa/Penjaga**

No Rujukan:

Tarikh:

.....  
.....  
.....

Tuan,

**KEPUTUSAN PERMOHONAN PENEMPATAN MURID DI DALAM KELAS DLP**

Dimaklumkan bahawa permohonan tuan bertarikh: ..... telah diterima.

3. Sehubungan dengan itu, permohonan tersebut:

diluluskan

tidak diluluskan kerana .....  
.....

Sebarang rayuan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada kekosongan dan kesediaan sekolah.

Sekian. Terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

.....

( )

Cap Sekolah

Tandatangan Pengetua/Guru Besar

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

**DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)  
BORANG KESEDIAN SEKOLAH  
TAHUN \_\_\_\_\_**

**Permohonan DLP bagi:**

Tahun 1	
Tingkatan 1	

**BAHAGIAN A: MAKLUMAT SEKOLAH**

2. Nama Sekolah	<input type="text"/>		
2. Kod Sekolah	<input type="text"/>	3. Gred Sekolah	<input type="text"/>
4. No. Telefon	<input type="text"/>	5. No. Faks.	<input type="text"/>
6. e-Mel Sekolah	<input type="text"/>		
7. Lokasi	<input type="text"/>		
9. Nama Pengetua/ Guru Besar	<input type="text"/>		

**BAHAGIAN B : BILANGAN MURID DAN KELAS BAGI TAHUN PELAKSANAAN**

Bil.	Perkara	Tahun 1	Tingkatan 1
1.	Kelas yang melaksanakan DLP akan dibuka daripada keseluruhan kelas Tahun 1/Tingkatan 1 ( contoh : 2/8)		
2.	Jumlah murid terlibat daripada keseluruhan murid Tahun 1/Tingkatan 1 (contoh : 68 / 145 )		

**SULIT****BAHAGIAN C: BILANGAN GURU MENGAJAR SAINS DAN MATEMATIK BAGI  
TAHUN SEMASA**

Bil.	Tahun/Tingkatan	Kategori	Bilangan Guru	
			Sains	Matematik
1.	Tahun 1 /Tingkatan 1	Guru Opsyen		
		Bukan opsyen		
2.	Tahun atau Tingkatan lain	Guru Opsyen		
		Bukan opsyen		

**BAHAGIAN D : SENARAI NAMA GURU SAINS DAN MATEMATIK YANG  
BERKEUPAYAAN MENGAJAR DALAM BAHASA INGGERIS**

Bil.	Nama Guru	Mata Pelajaran Dan Kelas Diajar	Justifikasi Kelayakan Guru (Rujuk Perkara 6.2 dalam Garis Panduan Pelaksanaan DLP Bagi Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia)

## **SULIT**

### **BAHAGIAN E: PERANCANGAN SEKOLAH**

**Rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah merangkumi aspek yang berikut:**

1. Guru
2. Murid
3. Kelas
4. Sumber PdP
5. Kemudahan ruang pembelajaran
6. Sokongan ibu bapa dan masyarakat setempat

**# Sila kemukakan satu salinan rancangan jangka pendek dan jangka panjang bersama-sama permohonan ini.**

**Nyatakan kenapa sekolah ini perlu dipertimbangkan untuk mengikuti DLP.**

---

---

---

### **PERAKUAN PENGETUA/ GURU BESAR**

Pihak sekolah bersetuju melaksanakan *Dual Language Programme* (DLP). Semua maklumat yang diberikan adalah benar dan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan *Dual Language Programme* (DLP) bagi Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

.....  
Tandatangan Pengetua/Guru Besar

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



**Kementerian Pendidikan Malaysia****DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP) BORANG  
PENGESAHAN KESEDIAAN SEKOLAH TAHUN**

Arahan: Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh PPD dan dikepulkan bersama-sama dengan setiap borang permohonan sekolah untuk dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri bagi mendapatkan pengesahan kesediaan sekolah melaksanakan DLP.

<b>Nama Sekolah Yang Memohon</b>	
--------------------------------------	--

**Kesediaan Sekolah**

Kriteria	Ulasan
<b>Pencapaian dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu UPSR/SPM (Gred Purata Mata Pelajaran)</b>	
<b>Keperluan Guru Sains dan Matematik</b>	
<b>Permintaan dan Sokongan daripada Ibu Bapa/ Penjaga</b>	

Kriteria	Ulasan
<b>Ulasan secara keseluruhan</b>	Sekolah ini <b>bersedia / tidak bersedia</b> kerana

# **SULIT**

Disediakan oleh :

.....  
Nama :

Jawatan :

Tarikh :

## **Kegunaan Jabatan Pendidikan Negeri**

Sekolah ini **memenuhi / tidak memenuhi** semua kriteria dan **dicadang / tidak dicadang** untuk melaksanakan *Dual Language Program*.

Sediakan oleh :

.....  
Nama :

Jawatan :

Tarikh :



Kementerian Pendidikan Malaysia

**BORANG RUMUSAN BILANGAN KELAS DAN MURID *DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)*  
PERINGKAT PPD**

NAMA PPD: \_\_\_\_\_

Bil.	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Bilangan Kelas		Bilangan Murid	
			Tahun 1	Tingkatan 1	Tahun 1	Tingkatan 1

Disediakan oleh,

.....  
( )  
Penyelaras DLP Daerah

Disahkan oleh,

.....  
( )  
Pegawai Pendidikan Daerah



Kementerian Pendidikan Malaysia

**BORANG RUMUSAN BILANGAN KELAS DAN MURID DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)  
PERINGKAT NEGERI**

NAMA JPN: \_\_\_\_\_

Bil.	PPD	Kod Sekolah	Nama Sekolah	Bilangan Kelas		Bilangan Murid	
				Tahun 1	Tingkatan 1	Tahun 1	Tingkatan 1

Disediakan oleh,

.....  
(                          )

Penyelaras DLP Negeri

Disemak oleh,

.....  
(                          )

Ketua Sektor,  
Sektor Pengurusan Akademik

